

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**[CASH WAQF STATUS IN BRUNEI DARUSSALAM: ITS CONTRIBTION  
TOWARDS THE DEVELOPMENT OF THE UMMAH]**

**STATUS WAKAF TUNAI DI BRUNEI DARUSSALAM: SUMBANGANNYA  
KE ARAH PEMBANGUNAN UMMAH**

<sup>1</sup>MAS NOORAINI MOHIDDIN

<sup>1</sup> Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347,  
Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Corresponding Author: [masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn](mailto:masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn)

Received Date: 27 Febuary 2022 • Accepted Date: 27 March 2022

***Abstract***

*Waqf is known and popular in the form of assets or real estate. The majority of the Muslim community thinks that waqf can only be done for religious purposes, while the actual function and role of waqf covers all areas including agriculture, business, education, medicine and socio-economy. Although cash waqf is a form or instrument of waqf that has been introduced for a long time, it is a new waqf model that has spread in most Islamic countries. In Brunei Darussalam, all matters regarding waqf are handled and administered by the Brunei Islamic Religious Council (MUIB) based on the laws enshrined in the laws of Brunei Darussalam, namely the Islamic Religious Council and Kadi Courts Act Chapter 77 in section 98 and 100. Observation and interview methodologies were used for the writing of this paper. Thus, this paper will look at how the status of cash waqf is practiced by the Muslim community in Brunei Darussalam. It is also to assess the extent to which waqf in this form can fulfill the vision of progress and development of Brunei Darussalam that can contribute towards the development of the ummah. This paper concludes by submitting some suggestions to improve the implementation of cash waqf in order to function better and increase motivation among the community to continue the contribution towards welfare in line with the role of cash waqf which is to help and ease the burden of the government in providing various facilities for the welfare of Muslims in particular.*

***Keywords:*** *Islamic Religious Council, Ummah Development, Cash Waqf*

***Abstrak***

Wakaf lebih dikenali dan popular dalam bentuk aset atau hartanah. Majoriti masyarakat Islam beranggapan wakaf hanya boleh dilakukan bagi tujuan keagamaan, sedangkan fungsi dan peranan

sebenar wakaf meliputi semua bidang termasuk pertanian, perniagaan, pengajian, perubatan, sosio-ekonomi dan sebagainya. Meski pun wakaf Tunai merupakan satu bentuk atau instrumen wakaf yang telah lama diperkenalkan namun ianya merupakan model wakaf yang baru tersebar di kebanyakan negara Islam. Di Negara Brunei Darussalam, semua urusan mengenai wakaf dikendalikan dan ditadbir oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) berdasarkan undang-undang yang termaktub dalam undang-undang Negara Brunei Darussalam iaitu Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dalam bab 98 dan 100. Metodologi pengamatan dan temu bual digunakan bagi penulisan kertas kerja ini. Justeru, kertas kerja ini akan melihat bagaimana status Wakaf Tunai ini diamalkan masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Seterusnya, menilai sejauh mana wakaf dalam bentuk ini dapat memenuhi wawasan kemajuan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam yang dapat menyumbang ke arah pembangunan ummah. Kertas kerja ini diakhiri dengan mengemukakan beberapa cadangan bagi menambahbaikkan pelaksanaan Wakaf Tunai agar dapat berfungsi lebih baik sekaligus meningkatkan motivasi di kalangan masyarakat untuk terus menyumbang ke arah kebajikan sejajar dengan peranan wakaf iaitu berusaha untuk membantu dan meringankan bebanan kerajaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan bagi kesejahteraan ummah Islam khususnya.

**Kata Kunci:** Majlis Ugama Islam, Pembangunan Ummah, Wakaf Tunai.

**Cite as:** Mas Nooraini Mohiddin. 2021. [Cash waqf status in Brunei Darussalam: Its contribution towards the development of the ummah] Status wakaf tunai di Brunei Darussalam: Sumbangannya ke arah pembangunan ummah. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 6(1): 33-43.

## PENGENALAN

Sejarah telah membuktikan bahawa institusi wakaf memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat Islam. Majoriti masyarakat Islam beranggapan wakaf hanya boleh dilakukan bagi tujuan keagamaan, sedangkan fungsi dan peranan sebenar wakaf sangat luas meliputi semua bidang termasuk pertanian, perniagaan, pengajian, perubatan, sosio-ekonomi dan sebagainya. Wakaf lebih dikenali dan popular dalam bentuk aset atau hartanah. Sehingga timbul tanggapan bahawa tiada aset maka tiada peluang untuk melakukan amal jariah yang berterusan. Tambahan lagi apabila melihat kepada situasi sekarang, nilai tanah atau bangunan hanya mampu dimiliki oleh orang yang tertentu sahaja. Maka tiada peluang untuk berwakaf jika pandangan sebegitu masih di kekalkan. Justeru, penggunaan wakaf tunai sangat bersesuaian dan bertepatan dengan situasi semasa. Dengan anggapan bahawa semua lapisan masyarakat mampu melakukan amal jariah ini tanpa perlu memiliki aset yang tinggi nilainya.

## KONSEP WAKAF

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, *waqf* memberi makna berhenti dari *sakana*, menahan dari *habasa* (Akramah, 2008). dan menegah dari *mana'a* (Al-Sarakhsi, 1993). Wakaf dan *habous* memberi makna yang sama sebab itu di sesetengah negeri seperti di Moroko lebih popular dengan *habas* berbanding dengan wakaf seperti kementerian *habas* (Zuhaili, 1987).. Walaupun Maghnyiah (1997)

mempertikaikan perbezaan di antara keduanya iaitu dalam konteks pemilikan di mana dalam wakaf, pemilik aset berakhir dengan perakuan wakaf sementara dalam *habas* pemilik masih berhak ke atas asetnya dan boleh di jual serta di warisi.

Wakaf ialah suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara (*sorih*) terang, atau (*kinayah*) sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus (Asmak, 2009).

Mengikut Kuwait Awqaf Public Foundation (2010) wakaf bermaksud menahan apa-apa aset yang meliputi rumah, kebun, wang tunai yang menyebabkan ianya tidak boleh dijual dan di warisi, manakala manfaatnya disalurkan mengikut perundangan. Pendapat ini disokong oleh Abu Zahrah (1959) dan beliau menambah manfaatnya hendaklah bagi tujuan kebajikan dan mengikut kemahuan pewakaf. Dalam masa yang sama Ahmad Khan (1988), Abd Manan (2005), Bewley (2001) mengkhususkan tujuan yang diperakui oleh undang-undang Islam seperti keagamaan dan mencapai keredaan Allah.

### **Dalil Pensyariatan Wakaf**

Sebuah hadis daripada Abu Hurairah r.a. telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.” (al-Nawawi (1994), hadith no. 4199).

Makna ‘sedekah jariah’ di dalam hadis di atas memberi maksud wakaf sepertimana yang telah ditafsirkan oleh ulama. Kerana pahala sedekah jariah itu berterusan walaupun pewakaf itu telah meninggal dunia berbanding dengan sedekah yang lain yang pahalanya tidak berpanjangan (Al-Khatib, 1997).

Panduan bagaimana harta wakaf perlu diuruskan adalah berdasarkan hadis Ibn Umar:

“Dari Nafi` dari Ibn `Umar beliau menyebut bagaimana Umar r.a. telah memperoleh tanah di bumi Khaibar. Beliau lalu bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh tanah di bumi Khaibar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya peroleh yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang tuan nak saya lakukannya? Rasulullah SAW bersabda: “Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekah dengannya.” Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekakan hamba, para tetamu, dana orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi, ia boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya. Contohnya, memakan harta tersebut tanpa menjadikannya sebagai sumber harta.” (Al-Asqalani, 1408; Al-Bukhari, 1422, Al-Nisaburi, t.t., Al-Qazwini, t.t., Al-Sajistani, t.t., Al-Sharbini, 1994)

Berdasarkan kepada kelebihan yang berterusan, berwakaf telah menjadi amalan yang berleluasa di kalangan umat Islam sejak dahulu lagi hingga sekarang. Termasuklah juga di Brunei Darussalam di mana ianya merupakan amalan yang sangat disukai oleh segenap lapisan

masyarakat. Turut sama menyertainya ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, para pembesar negara, pegawai dan kakitangan serta orang awam.

## **PERANAN WAKAF**

Kredibiliti wakaf dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan ekonomi negara telah terbukti melalui sejarah. Wakaf telaga ‘Rumah’ yang telah diwakafkan oleh Saidina Ottman iaitu salah seorang sahabat Nabi merupakan contoh wakaf yang terbaik yang masih kekal hingga ke hari ini. Di tapak itu telah dibina hotel mewah dengan pendapatan tahunan mencecah 50 juta Riyal Saudi (50 juta Riyal Saudi bersamaan dengan 13.34 juta US dollar) dan maksud pewakaf masih dikekalkan iaitu 50% dari pendapat dikhususkan buat mereka yang memerlukannya. Apa yang menariknya ialah setelah 1,400 tahun berlalu, bermula dari wakaf itu diwujudkan hingga sekarang masih wujud satu akaun Saidina ‘Uthman al-‘Affan di salah sebuah bank di Madinah (Ali, 2013).

Wakaf berpotensi mengukuhkan ekonomi orang Islam melalui mekanisme pengagihan harta jika ianya ditadbir secara efektif dan efisien (Gharaulhuddin, 1999). Terutama sekali dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk orang ramai untuk kebajikan ummah. Pelbagai jenis harta yang boleh di wakafkan selama mana ianya bernilai dan dapat diambil manfaat darinya ‘berulang kali’ sepertimana yang digariskan dalam syariaah. Samada harta tersebut terdiri dari hak alih mahupun harta tak alih termasuklah binatang, kelengkapan peperangan, peralatan pertanian, buku dan juga wang tunai.

Wakaf tunai memainkan peranan yang penting dalam sejarah kewangan di zaman pemerintahan Ottoman di Turki. Ianya dapat dianggap sebagai institusi kewangan Islam yang terpenting pada zaman itu kerana menyediakan dana terutama sekali bagi yang memerlukan modal seperti usahawan dan juga orang awam. Institusi ini merupakan lambang kejayaan dan sumbangan yang terbesar oleh kerajaan Ottoman dalam ketamadunan Islam (Murat, 1996). Mewakafkan wang tunai merupakan satu cara yang paling mudah. Mudah bagi pihak pengurusan dan penggunaannya juga lebih pelbagai (Osman, 2002). Mudah bagi pewakaf kerana ia tidak perlu lagi berurusan dengan pihak tertentu selepas penyerahan wang tersebut berbanding dengan aset harta yang lain di mana pihak majlis akan meneliti dulu permohonan tersebut sebelum ianya dibenarkan seperti dalam kes wakaf tanah. Dalam hal ini pihak majlis akan memohon nasihat dari pihak-pihak yang terlibat seperti dari pejabat tanah, bahagian bangunan atau dari hal ehwal masjid jika berkaitan dengan pembinaan masjid.

Meskipun wakaf tunai merupakan satu salah jenis wakaf yang telah lama diperkenalkan, namun ianya baru berleluasa di kebanyakan Negara Islam seperti Malaysia dan Brunei. Malahan ianya semakin berkembang dan popular sejak kebelakangan ini. Realitinya tidak semua orang mampu memiliki aset hartanah. Akibatnya ramai masyarakat Islam kurang menyumbang untuk pembangunan wakaf disebabkan keterbatasan sumber dan ketiadaan peluang.

Untuk meningkatkan motivasi dikalangan masyarakat sekarang, wakaf tunai sangat bersesuaian dengan situasi semasa ditambah lagi dengan ketiadaan aset hartanah yang dimiliki. Memandangkan ianya boleh digunakan dalam pelbagai tujuan dan banyak peluang dalam pengurusan wakaf diperolehi dari wakaf tunai. Penggunaan wakaf tunai adalah sangat fleksibel

di mana ianya boleh dilaburkan dalam pelbagai aktiviti perniagaan seperti projek pembinaan dan sebagainya. Kejayaan wakaf tunai dapat dilihat dari pengalaman Pertubuhan Islamic Relief yang berpusat di United Kingdom. Organisasi ini mengumpulkan dana melebihi £30 juta setahun melalui wakaf saham. Kumpulan dana ini disalurkan kepada 5 juta individu dari 25 buah negeri. Natiujahnya, ianya telah menyediakan sektor pekerjaan kepada 7,000 orang di Bosnia melalui program 'Income Generation Waqf' dan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan dinegara terbabit.

Wakaf tunai terbentuk dalam dua keadaan. Wakaf tunai yang dijadikan wakaf untuk memenuhi kehendak orang-orang yang sangat memerlukannya. Dan wakaf tunai yang dilaburkan dan hasil keuntungan akan digunakan untuk penerima wakaf. Di era globalisasi ini, pelbagai cara boleh digunakan dan di manfaatkan wakaf tunai secara lebih efektif mengikut garis pandu syariah di antaranya ialah pemindahan milik saham. Pemegang saham berhak membuat keputusan untuk menyerahkan segala keuntungan atau bahagian sahamnya untuk digunakan bagi kepentingan umum.

## **PENGURUSAN WAKAF DI BRUNEI DARUSSALAM**

Di Negara Brunei Darussalam, segala urusan mengenai wakaf adalah dikendalikan dan ditadbir oleh Majlis Ugama Islam iaitu berdasarkan peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam iaitu Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dalam bab 100. Akta tersebut telah memperuntukkan bahawa Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas. Bagi tujuan tersebut satu jabatan telah diwujudkan yang menguruskan dan bertanggungjawab mengenai hal ehwal Baitul Mal dan harta wakaf iaitu bahagian Baitul Mal dan Wakaf.

Sistem perwakafan di Negara Brunei Darussalam terbahagi kepada dua: wakaf secara berdaftar dan wakaf tidak berdaftar:

1. Wakaf Tidak Berdaftar: Wakaf yang berlaku dalam bentuk nilai yang rendah termasuk peralatan elektrik dan jua kelengkapan peralatan seperti buku agama, kerusi, meja dan podium mimbar. Cara penerimaan wakaf ini hanya dilafazkan secara lisan sahaja tanpa melibatkan pendaftaran ke Majlis. Pada kebiasaannya ianya berlaku dalam penyerahan barang wakaf ke masjid atau surau. Hanya pihak yang menerima sahaja dikehendaki merekodkan dalam laporan berkenaan barang yang diterima dan akan dihadapkan ke pihak Majlis. Sistem ini hanya baru dilaksanakan dan ianya bertujuan bagi mengemaskinikan penyimpanan data-data mengenai perwakafan dan sebagai rujukan di masa hadapan. Di samping itu juga bagi memastikan harta-harta wakaf berkenaan dipelihara dan dijaga sebaik mungkin bagi tujuan menyempurnakan kehendak atau 'hajat' pewakaf supaya manfaatnya berterusan selari dengan matlamat sebenar wakaf. Kadang-kadang perwakafan itu boleh terjadi tanpa dilafazkan dan diketahui oleh pihak yang menerima harta wakaf tersebut. Seperti yang banyak berlaku dalam mewakafkan Al-Quran, buku, sejadah, telekung dan sebagainya.
2. Wakaf Berdaftar: Wakaf bentuk ini hanya terjadi dalam mewakafkan aset yang bernilai tinggi seperti tanah dan bangunan dan juga wang tunai. Sistem perwakafan ini perlu

dilafazkan dan disahkan oleh pihak tertentu kerana ianya membabitkan pertukaran nama pemilik secara sah di sisi undang-undang.

Pengurusan wakaf berdaftar dan tidak berdaftar; Setakat ini wakaf berdaftar yang diterima dan ditadbir oleh pihak Jabatan Majlis Ugama Islam terdiri daripada tanah, bangunan dan wang tunai. Sehingga tahun 2014, wakaf tunai merupakan sumbangan yang paling popular diterima oleh Jabatan ini. Sementara aset yang lain kurang mendapat perhatian disebabkan pelbagai halangan seperti nilai hartanah yang semakin tinggi.

Bagi wakaf-wakaf yang tidak berdaftar, pengurusannya terpulanglah kepada pihak yang diberikan atau menerima harta wakaf berkenaan. Misalnya sebuah masjid menerima wakaf 100 naskhah Al-Quran, maka masjid itu sendiri yang akan menguruskan segala hal yang berkaitan dengannya (Jabatan Majlis Ugama Islam, [http://muib.gov.bn/pages/info.aspx?mod=jmui\\_Perkhidmatan&itemid=12](http://muib.gov.bn/pages/info.aspx?mod=jmui_Perkhidmatan&itemid=12). Akses pada 18 April 2015).

### Status Wakaf Tunai

Meskipun wakaf wang tunai mendapat tempat di kalangan pewakaf namun secara keseluruhannya wang tunai yang disumbangkan khusus bagi tujuan tertentu iaitu pembinaan dan meluaskan masjid, peralatan atau kelengkapan masjid, sekolah agama, menambah baik perkuburan dan untuk kepentingan umum. Untuk memastikan wang tunai yang diwakaf itu selamat dari segi penyimpanannya dan teratur dari segi penagihan dan penyalurannya kepada pihak-pihak yang sepatutnya, maka Majlis Ugama Islam telah mewujudkan satu dana iaitu Akaun Kumpulan Wang Wakaf pada tahun 2010 melalui akaun di Tabung Amanah Islam Brunei.

Wakaf dalam bentuk khusus kepada masjid dan surau sememangnya mempunyai faedah yang besar bagi tujuan menarik masyarakat Islam berjemaah memakmurkan masjid di samping berusaha untuk meningkatkan sifat takwa agar kecintaan terhadap nikmat dunia dapat dikurangkan. Tetapi wakaf untuk kegiatan umum sangat berpotensi untuk membangunkan kehidupan ekonomi umat Islam. Bahkan wakaf satu-satunya saluran yang pernah dirintis oleh Rasulullah dalam usaha memajukan ekonomi dan kerajaan Islam (Osman, 2002).

#### Wakaf Tunai Bagi Tujuan Tertentu Dari Tahun 1980an-2017.

Daerah	Masjid	Peralatan Masjid	Sekolah Ugama	Kubur Umum	Jumlah	
Brunei/Muara	20				20	
Tutong	3				3	
Temburong	0				0	
Belait	0				0	
Seluruh daerah	41	1	1	1	5	49
Jumlah	64	1	1	1	5	72

Sumber Bahagian Wakaf dan Baitulmal, MUIB

Secara umumnya wakaf tunai yang diterima melalui dua saluran iaitu Jabatan Majlis Ugama Islam dan Masjid.

### Wakaf Tunai Melalui Majlis

Bagi perwakafan wang tunai yang diserahkan terus ke Jabatan Majlis Ugama Islam haruslah melalui proses tertentu. Bagi yang berhasrat untuk menyumbang hendaklah datang terus ke Bahagian Wakaf dan Baitul Mal di Jabatan Majlis Ugama Islam. Di mana pihak berkenaan akan memberi penerangan dengan lebih lanjut lagi mengenainya. Satu salinan resit penerimaan akan disimpan oleh pewakaf dan pewakaf dikehendaki untuk melafazkan niat wakaf dan melengkapkan borang khas wakaf. Resit rasmi yang dikeluarkan hendaklah menggunakan resit khas bertajuk Resit Rasmi Kumpulan Wang Wakaf Majlis Ugama Islam.

Wang wakaf yang diterima disimpan dalam Akaun Kumpulan Wang Wakaf Majlis Ugama Islam. Setiap wang yang diterima akan disimpan ke dalam Bank dalam Akaun Kumpulan Wang Wakaf pada hari yang sama wang itu diterima. Setiap resit pembayaran dan slip penyimpanan ke bank disimpan di tempat yang selamat. Laporan Kewangan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf Orang Ramai disediakan setiap 3 bulan sekali. Setiap pewakaf akan diberikan surat makluman tentang perkembangan wang wakaf mereka setiap 6 bulan sekali.

Apa yang jelas mengikut penerangan dari pegawai Bahagian wakaf dan Baitul mal, wakaf wang tunai setakat ini hanya disimpan ke dalam institusi kewangan Islam untuk memperolehi pulangan minimum dan tidak disalurkan ke dalam aktiviti-aktiviti perniagaan atau pelaburan untuk meraih keuntungan semaksimum mungkin. Akibatnya, dana yang ada tidak dapat dikembangkan dan manfaat yang ditujukan untuk kepentingan umum hanya terbatas kerana tiada aliran kemasukan dana. Berikutan adalah statistik sumbangan wakaf tunai yang diterima oleh Majlis dan juga dari masjid-masjid tempatan.

Sumbangan Wakaf Tunai dari tahun 2010-2017

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015- 2017	Jumlah
Pewakaf	20	4	5	9	12	4	50
Jumlah	\$24,140, 32	\$1,954,000. 00	\$61,4000. 00	\$17,94 5	\$28,35 0	\$59,156. 96	\$2,144,992. 28

### Wakaf Tunai Melalui Masjid

Pihak Majlis juga telah memberi kuasa dan kebenaran kepada Jawatankuasa Masjid bagi mengadakan tabung khairat kebajikan masjid. Jika penyumbang menyerahkan wang tunai ke masjid-masjid tertentu tanpa menyatakan maksud wakaf, maka sumbangan tersebut akan dimasukkan ke dalam tabung khairat kebajikan. Akan tetapi jika ia menyatakan lafaz wakaf secara am, sumbangan berkenaan akan di masukkan ke dalam tabung yang sama. Berbanding jika ia mengungkapkan wakaf khas, maka pihak jawatankuasa akan menyerahkan wang

tersebut ke Majlis dan pihak tertentu yang akan menunaikan hajat pewakaf seperti menambah bangunan masjid. Dan menjadi tanggungjawab jawatankuasa masjid mencatat dan melaporkannya ke pihak Majlis berkenaan dengan kemasukan sumbangan. Duit yang diterima akan disimpan dan di hantar setiap hari ke dalam akaun bank Islam di bawah nama pemilik Masjid. Hari Jumaat merupakan hari yang menjadi pilihan orang ramai untuk menyumbang ke tabung khairat masjid, menurut pemangku penolong pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid,

Hasil sumbangan dari orang ramai cuma disimpan ke dalam akaun biasa tanpa ada perancangan untuk mengembangkan dana tersebut. Akibatnya ada sesetengah masjid yang hanya gah pada pandangan mata namun kurang tabung dana (Keterangan yang diperoleh hasil dari temu bual bersama Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid. Sebagai contoh Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien iaitu salah satu landmark kota Bandar Seri Begawan dan tarikan pelancong). Senario yang sama berlaku di Malaysia seperti mana yang telah diungkapkan melalui kajian Jaafar *et al.*, (2001). Kebanyakan masjid-masjid di Malaysia menyimpan beku dana yang disumbangkan oleh masyarakat awam dan tidak digunakan secara aktif untuk membeli aset walaupun jawatankuasa masjid itu dapat menjangkakan bahawa jumlah sumbangan derma yang hampir sama akan terus diterima pada tahun-tahun yang akan datang. Sumber kewangan ini kurang disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan pulangan atau hasil yang lebih menguntungkan kepada masjid dan ahli masyarakat setempat. Dengan lain pengertian, masjid dikatakan cenderung menyimpan sumbangan dana yang diterimanya ke dalam institusi bank untuk memperoleh pulangan yang minimum.

Namun apa yang berlaku di Brunei, terdapat halangan lain yang menyebabkan pembekuan dana. Setakat ini belum ada akta tertentu untuk pentadbiran dan pengurusan masjid-masjid tempatan. Namun cara pentadbirannya bersumberkan garis panduan yang telah lama di cipta. Halangan untuk mengembangkan dana masjid, ada disebutkan di dalam garis panduan berkenaan. Dalam garis panduan itu menjelaskan wang masjid tidak boleh digunakan sebagai modal untuk diperdagangkan atau dilaburkan bagi membuat rumah-rumah sewa dan seumpamanya (Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama,(t.t) Cara-Cara Melaksanakan Peraturan Kewangan Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam, 1408/1988.).

Terdapat dua sumber dana wakaf yang diterima oleh masjid tempatan, senario yang sama juga berlaku di Malaysia: iaitu peruntukan dari kerajaan dan sumbangan orang ramai (Maliah, 2007). Keseluruhan masjid adalah ditadbir oleh Kerajaan di bawah Jabatan Hal Ehwal Masjid. Pada dasarnya Kerajaan yang menanggung segala kos penyelenggaraan masjid, namun bukan pada keseluruhannya. Memandangkan setiap peruntukan tersebut mengikut giliran masjid-masjid yang terdapat di Brunei, sehingga ada sesetengah masjid terpaksa menunggu sehingga 3 tahun bagi mendapatkan peruntukan tersebut. Dalam tempoh ini, masjid bergantung sepenuhnya kepada sumbangan orang ramai untuk menanggung kos perbelanjaan tersebut seperti pembelian alat hawa dingin dan juga kos pembersihan kawasan masjid (Temu bual bersama Pg Alizah Pg Hj Tahir, Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid pada 25 April 2015.).

Secara amnya tabung khairat merupakan salah satu usaha *tabarru'* dari orang ramai bagi matlamat untuk kegunaan dan kepentingan masjid. Maka jelaslah sumbangan tersebut boleh di anggap sebagai wakaf meskipun penyumbangnya tidak menyatakan lafaz secara terang atau sindiran. Sepertimana yang disepakati oleh semua Ulama di mana ianya dianggap wakaf bersandarkan kepada niat dan tindakan (Al-Bahouti, t.t). Niat penyumbang untuk kepentingan



masjid bagi kegunaan orang ramai sementara pembelian barang-barang yang diperlukan merupakan tindakan susulan jawatankuasa Masjid. Meskipun ianya bertentangan dengan pendapat Imam Shafii yang hanya menerima wakaf melalui lafaz dan tulisan (Ibn Qudamah. t.t).

Jika semua sumbangan dan harta yang diwakafkan melalui masjid digabungkan dan digerakkan dalam aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan pulangan atau hasil yang menguntungkan masjid, nescaya kebergantungan terhadap kerajaan dan orang ramai akan dapat dikurangkan.

## CADANGAN

Penerangan mengenai kelebihan wakaf tunai bersifat umum perlu diperjelaskan kepada masyarakat. Melalui kutipan wakaf tunai berkenaan akan dapat disalurkan ke dalam aktiviti perniagaan yang berpotensi menjanjikan pulangan yang menguntungkan. Pulangan tersebut akan dapat digunakan untuk menampung kos penyelenggaraan masjid dan tidak terlalu bergantung dengan pihak kerajaan. Bahkan pihak kerajaan akan dapat menggunakan peruntukan tersebut bagi kemaslahatan umum di dalam bidang yang berlainan.

Tabung-tabung kebajikan khairat yang diletakkan di dalam masjid perlu disenaraikan sebagai dana wakaf untuk memotivasikan orang ramai bahawa tiada ada had minimum untuk berwakaf sama seperti sedekah. Perbezaan yang nyata hanya penggunaan dana tersebut, jika ianya digunakan bagi keperluan yang boleh digunakan berulang kali, maka ia adalah aset wakaf tapi jika ia di belanjakan untuk kos jamuan bagi acara tertentu, ia lebih kepada sedekah.

Kajian lanjut perlu di buat untuk mengenal pasti sejauh mana tingkat kefahaman masyarakat Islam Brunei mengenai kepelbagaian fungsi wakaf tunai. Memandangkan kepada statistik di atas, bilangan pewakaf hanya terdiri dari orang tertentu sahaja. Tidak mustahil jika masyarakat setempat masih kuat berpegang bahawa wakaf hanya terdiri dari aset tertentu. Dan apabila menyentuh bab wang, ianya mungkin lebih difahami dengan sedekah sunat yang membawa maksud untuk memenuhi kebutuhan yang memerlukan dalam tempoh tertentu.

Boleh dikatakan status wang tunai di Brunei hanya aktif dalam bidang keagamaan dan lebih memfokuskan ke arah tempat ibadah berbanding tempat lain. Perspektif ini berkemungkinan lahir dari persekitaran di mana kemudahan lain sudah menjadi kebiasaan dan tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakannya. Di samping itu juga ketidak aktif wakaf wang tunai dalam usaha-usaha untuk mengembangkannya melalui pelaburan atau aktiviti perniagaan menyebabkan ianya tidak popular dalam kalangan masyarakat Brunei.

## KESIMPULAN

Dari perbincangan di atas, dapatlah di nilai bahawa peranan wakaf tunai lebih menjurus kepada kegiatan keagamaan dan hanya segelintir sahaja mengkhususkan bagi kepentingan umum. Oleh kerana itu sumbangan yang khusus itu, dana wakaf tidak dapat menjana pendapatan disebabkan keterbatasan objektif pewakaf dan juga kebekuan aset yang tidak dikembangkan melalui aktiviti-aktiviti perniagaan. Ringkasnya, kepercayaan tentang wakaf tradisional masih kuat bertapak dalam masyarakat Islam Brunei berlandaskan kepada data yang di atas. Meskipun data tersebut tidak menjelaskan dengan nyata namun dapat dihuraikan bahawa masih kurang

keterlibatan awam dalam wakaf tunai. Oleh kerana itu, kajian lebih mendalam seperti yang dicadangkan perlu diadakan untuk mengenal pasti masalah atau punca seterusnya mencari cara penyelesaiannya.

## RUJUKAN

- Abd Mannan, Muhammad. (2005). *The Role of Waqf in Improving The Ummah Welfare. Seminar on Islamic Economics as Solution*. Jakarta: Indonesian Association of Islamic Economists and Muamalat Institute.
- Abu Daud, al-Sajistani, Sulaiman b. Alash b. Ishak b. Bashir b. Shidad b. Amru al-Azdi. (t.t). *Sunan Ibn Daud*. Beirut: Maktabah al-Masriyah.
- Abu Zahrah, Mohammad. (1959). *Muhadarat fi Al-Waqf*. Cairo: Matba'ah Ahmad 'Ali Mukhaimar.
- Ahmad Khan, I. (1988). *What is Wakf?* Delhi: Idarah -I -Adabiyat -I Delli.
- Ahmed, Habib. (2004). *Role of Zakah and Awqaf in Poverty Alleviation*. Development. Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute.
- Akramah, Said Sabri. (2008). *Al-Waqf Al-Islami baina Al-Nazariyat wa Al-Tatbiq*. Jordan: Dar Al-Nafais.
- Ali Hashim, M. (2013). Halal, Wakaf Perkasa Ekonomi. *Sinar Harian*. Retrieved February 24, 2014, from <http://www.sinarharian.com.my/halal-wakaf-perkasa-ekonomi-1.193164>.
- Asmak Ab Rahman (2009), 'Peranan Wakaf Dalam pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia', *Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil 1*, 113-152.
- al-'Asqalani, Ahmad b. Ali b. Hajar. (1408). *Fathul Bari*, Jil. 3. Egypt: Al-Maktabah Al-Salafiah.
- Bekkin, R. (2009). Waqf and Zakat: Alleviating Property. *Journal Newhorizon*. lengkapkan
- Bewly, M. A. S. al-'Ilm. (2001). *Zakah The Fallen Pillar of Islam*. Cape Town, South Africa: Dar al-Hijrah.
- al-Bukhari, Abu Adullah Mohammad b. Ismail. (1422). *Sahih Bukhari*. Dar Tuuq Al-Najati.
- Ghafarullahuddin, Din (1999) Dinamisme Syariah Kepada Penyusunan Ekonomi Semasa Dengan Menggerakkan Harta dan Dana Sadaqah. In: N.Mustapha, Hj N.Hassan., Sh Mohd Saifuddeen, Sh Mohd Salleh., Hamiza, Ibrahim. *Globalisasi Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ibn Qudamah, Abu Mohammad Muaffaddin Abdullah b. Hamad b. Mohammad. (t.t). *Al-Mughni li Ibni Qudamah*. Maktabah al-Qaherah.
- Ibrahim, M. B. (2008). Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Waqaf Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2(1), 1-12.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid, Hairunnizam Wahid (2001) Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. *National Workshop on Capacity Building Towards Excellance in Econ*. Research & Policy Formulation di UUM, 23-24 April 2001.
- Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama,(t.t) *Cara-Cara Melaksanakan Peraturan Kewangan Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam, 1408/1988*.

- Kuwait Awqaf Public Foundation. (2010). *Al-Amanah al-'Ammah li al-Awqaf*. <http://www.awqaf.org.kw/Arabic/Aboutendowment/Fiqhofwaqf/pages/default.aspx>, 11 Januari 2011.
- Maghniyah, M. J. (1997). *Waqf, Hajr and Wasaya According to Five Schools of Islamic Law*. Tehran: department of Translation and Publication Islamic Culture and Relations Organization.
- Maliah Sulaiman (2007) The Internal Control Procedures of Mosques in Malaysia. *Blumenau* 3(2), 101-115.
- Mohd Salleh, Suhaimi. and Muhammad, S. (2008). Waqaf Development in Malaysia: Issues And Challenge. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2(1), 13–36.
- Mohd Yahya, Mohd Hussin, Fidlizan, Muhammad, Mohamad, Hassan, Azila, Abdul Razak, Nurul Fadly, Habidin (2015) ‘Aplikasi Teknologi Sistem Perakaunan Untuk Menjana Ekonomi Masjid’, *Malaysian Journal of Society and Space* 11, bil 2, 55-63.
- Mohsin, Aminah. and Mohammad, M. T. S. (2011). Weakness of Current Capital Raising, Financing, and Investment Methods of Awqaf (Islamic Trusts). *International Conference on Social Science and Humanity*, Singapore, 401–405.
- Murat, Cizakca (1996) The Relevance of The Ottoman Cash Waqfs (Awqaf Al-Nuqud) for Modern Islamic Economics. In: M.A.Mannan (ed) *Seminar Proceeding Series –No 30: Financing Development In Islam*. Islamic Research and Training Institute Islamic Development Bank, Jeddah, 393-414.
- Muslim, Hajjaj Abu al-Hassan al-Qusyairi Al-Naisaburi. (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Thurath al-Arabi.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syarh (1994), *Sahih Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi*, Jil.11.VI. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Osman, Sabran(2002) *Pengurusan Harta Wakaf*.Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- al-Qazwini, Ibnu Majah Abu Abdullah Mohmamd b. Yazid. (t.t.). *Sunan Ibnu Majah*. Dar Ihya al-Thurath al-Arabi.
- al-Sarakhsi, Mohammad b. Ahmad b. Abi Sahal. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar Al-Ma’rifat.
- al-Sharbini, Shamsuddin Mohammad b. Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni Al-Muhtaj ila Ma’rifat Alfaz al-Minhaj*. Dar Al-Kutub al-’Ilmiyah.
- al-Syarbini, Al-Khatib,(1997), *Mughni al-Muhtaj*, Jil.2. Beirut : Dar al-Ma’rifah.
- Wan Yon, Wan Ariffin. and Abdul Latif, Mohd Syahiran. and Bahrom, H. (2008). Mekanisme Wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan dan Pembiayaan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2(2), 63–86.
- Zuhaili, W. (1987). *Al-Wasaya wa Al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Damascus: Dar al-Fikr.